

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 _____ penduduk taman perumahan itu bekerja di sektor swasta.
A Setiap
B Setengah
C Kebanyakan
D Masing-masing
- 2 Zayyan merakam gambar sekawan itik yang sedang _____ di tasik.
A bermain-main
B berkejar-kejaran
C berenang-renang
D berendam-rendam

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Pohon yang rendang itu kelihatan *goyah* apabila ditiup angin kencang.
II “Mana-mana tiang yang *goyah* hendaklah diganti,” kata ayah.
III Puan Haryati berasa sedih apabila mengenangkan rumah tangganya yang *goyah*.
IV Kepercayaan penduduk kampung terhadap kejujuran pemimpin itu semakin *goyah*.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 4 I Penduduk kampung berhati-hati semasa *melalui* jalan yang sunyi itu.
II Berita terkini itu disampaikan kepada masyarakat *melalui* pelbagai saluran.
III Kisah yang ditulis itu berdasarkan pengalaman sebenar penulis semasa *melalui* ekspedisi ke Gunung Tahan.
IV Salina tidak *melalui* makan kerana memikirkan masalahnya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5 Kami akan membincangkan lain-lain perkara dalam mesyuarat itu.

- A membincang tentang perkara lain
- B membincangkan perkara-perkara lain
- C berbincang tentang lain-lain perkara
- D membincangkan lain-lain perkara

6 Soalan tatabahasa itu paling sukar sekali.

- A sukar sekali
- B tersukar sekali
- C paling tersukar
- D paling sukar sekali

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Tiap tahun negara kita merayakan sambutan Hari Kebangsaan.
II Murid diminta untuk memberikan pandangan tentang isu ponteng sekolah.
III Permainan layang-layang diminati oleh kanak-kanak.
IV Pelbagai usaha telah dilakukan bagi mengatasi masalah vandalisme.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

- 8 I Buah rambutan itu tidak terjangkau oleh mereka.
II Oleh kerana terlalu letih, Ah Chai tertidur di tepi gelanggang.
III Pasukan bola sepak negara memiliki barisan pemain yang hebat.
IV Firash melanjutkan pengajian di luar negara.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Usaha kerajaan menyediakan lebih banyak insentif memberikan peluang lebih besar kepada remaja untuk menceburi bidang TVET.**
- A Kian bertambah bidang TVET hasil insentif kerajaan terhadap golongan remaja.
 - B Tindakan pemerintah memberikan lebih banyak insentif kepada remaja telah mewujudkan bidang TVET.
 - C Semakin banyak golongan remaja terlibat dalam bidang TVET ekoran usaha kerajaan mewujudkan pelbagai insentif.
 - D Langkah memberikan lebih banyak insentif kepada golongan remaja oleh kerajaan telah mewujudkan lebih banyak bidang TVET.

Soalan 10

Pilih kata-kata hikmat yang paling sesuai.

- 10 Kita mestilah menggunakan bahasa yang betul pada setiap masa kerana**
- A bahasa itu indah
 - B bahasa hiasan jiwa
 - C bahasa jiwa bangsa
 - D bahasa lambang negara